

# Komuniti Cina di gesa sokong program UMSKAL

NST 6.4.18 7

LABUAN: Pengerusi Dewan Perniagaan Tionghua Labuan, Datuk Wong Kii Yii mengesa komuniti Cina di pulau ini supaya memberikan sokongan padu apa juga program kemasyarakatan yang dianjurkan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Beliau membuat gesaan itu ketika berucap merasmikan Malam Kebudayaan Cina (CCN) UMSKAL 2018 di Dewan Konvensyen Kompleks Ujana Kewangan Labuan, baru-baru ini.

Turut hadir Pensyarah Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Samsul Bahari Mohd Nasir yang mewakili Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik, Penyelaras Program CCN, Henry Bating dan Alliyah Ku serta Pengarah Program Phuah Chun Horng.

Pada majlis itu, Jawatankuasa CCN 2018 menyerahkan sumbangan sebanyak RM888 hasil jualan tiket kepada dua sekolah Cina iaitu SJKC Chi Wen dan SJKC Chung Hwa yang masing-masing diterima Guru Besarnya, Julius Voo Jiunn Jye dan Yong Kui Chen.

Majlis pada malam itu diserikan dengan

persembahan tarian singa, persembahan gendang rebana, tarian kebudayaan dan nyanyian.


Wong berkata CCN merupakan suatu acara yang bermakna terutamanya dapat memperkenalkan kebudayaan Cina kepada masyarakat tempatan.

Beliau berharap komuniti Cina dapat memberikan sokongan kepada pelajar UMSKAL yang datang dari seluruh negara.

"Saya akan terus menyokong penganjuran CCN pada masa akan datang. Saya berharap agar pelajar universiti dapat meneruskan lagi semangat untuk memupuk kebudayaan Cina ini dalam kalangan mahasiswa serta masyarakat Labuan,"katanya.

Wong yang juga Ahli Majlis Penasihat Perbadanan Labuan turut menzahirkan rasa bangga kerana UMSKAL dapat memberikan sumbangan ikhlas kepada dua buah SJKC di Wilayah Persekutuan Labuan.

"Sumbangan ini haruslah dihargai oleh masyarakat Cina khususnya ibu bapa,"katanya.-  
**OLEH JAINUDIN DJIMIN**



SERAH....Wong (tiga kiri) dan Samsul (empat kiri) menyerahkan sumbangan kepada SJKC Chi Wen dan SJKC Chung Hwa sempena program Malam Kebudayaan Cina UMSKAL 2018.